



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)**  
**SUKU TAHUNAN**  
**SUKU KETIGA 2022**

*QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT*  
*THIRD QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics*  
*Ministry of Finance and Economy*  
*Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU TAHUNAN  
SUKU KETIGA 2022**


**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**TAJUK UTAMA: EKONOMI NEGARA Mencatatkan Pertumbuhan Yang Positif Berikutan Perkembangan Bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas.**

1. Pada suku ketiga (Q3) 2022, sumbangan utama Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut aktiviti ekonomi adalah sektor Industri yang menyumbang sebanyak 66.4 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan 32.5 peratus dan sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 1.1 peratus.
2. Jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa pada Q3 2022 adalah sebanyak BND5.8 bilion berbanding BND4.7 bilion pada Q3 2021. Sektor Minyak & Gas yang merangkumi aktiviti perlombongan minyak & gas dan pembuatan gas cecair asli (LNG) menyumbang sebanyak 51.7 peratus daripada jumlah nilai tambah kasar (GVA). Sementara itu, Sektor Bukan Minyak & Gas, yang mana termasuk aktiviti hiliran seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, telah menyumbang sebanyak 48.3 peratus daripada jumlah KDNK.
3. Manakala, jumlah KDNK pada harga tetap mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.9 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak & Gas sebanyak 4.6 peratus. Walaubagaimanapun, Sektor Minyak & Gas mencatatkan penurunan sebanyak 2.7 peratus.

**Perkembangan KDNK bagi Negara Brunei Darussalam  
Q1 2021-Q3 2022**



4. Sektor Bukan Minyak & Gas terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan peningkatan pada Subsektor-Subsektor seperti Hiliran, Kewangan, Pengangkutan Udara, Perdagangan Borong dan Runcit dan Perikanan.
5. Peningkatan pada aktiviti hiliran adalah disebabkan oleh peningkatan pengeluaran metanol sebanyak 16.1 peratus iaitu daripada 129,778 tan metrik pada Q3 2021 kepada 150,674 tan metrik pada Q3 2022, dan juga pengeluaran baru produk kimia khususnya baja urea.
6. Manakala, peningkatan Subsektor Kewangan adalah selaras dengan peningkatan pendapatan aktiviti kewangan dan perbankan.
7. Subsektor Pengangkutan juga meningkat terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pada aktiviti Pengangkutan Udara. Peningkatan aktiviti Pengangkutan Udara adalah selaras dengan peningkatan jumlah ketibaan penumpang udara iaitu daripada 4,494 orang pada Q3 2021 kepada 79,730 orang pada Q3 2022; dan pelepasan penumpang udara iaitu daripada 8,140 orang pada Q3 2021 kepada 71,595 orang pada Q3 2022 berikutan keluar masuk dari negara ini telah dibenarkan.
8. Peningkatan Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit adalah disebabkan oleh kenaikan permintaan domestik selaras dengan pengurangan langkah-langkah pengawalan berikutan tamatnya Fasa Awal Endemik COVID-19, yang mana jika dibandingkan pada suku tahun ketiga (Q3) tahun lepas, banyak sekatan pergerakan telah dilaksanakan bagi

mengawal penularan COVID-19. Peningkatan subsektor ini adalah juga selaras dengan peningkatan jualan runcit yang didorong terutamanya oleh peningkatan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut, jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di Kedai Khusus dan jualan di Stesen Minyak.

9. Tambahan lagi, peningkatan Subsektor Perikanan adalah disebabkan oleh peningkatan industri penangkapan ikan dan akuakultur. Peningkatan industri penangkapan ikan adalah terutamanya disebabkan oleh aktiviti nelayan kecil-kecilan. Manakala, penyumbang utama bagi industri akuakultur adalah keluaran ternakan udang.
  
10. Namun demikian, penurunan dalam Sektor Minyak & Gas adalah disebabkan oleh penurunan pengeluaran minyak mentah daripada 97.1 ribu tong sehari pada Q3 2021 kepada 86.2 ribu tong sehari pada Q3 2022. Pengeluaran gas asli juga menurun daripada 28.7 juta meter padu sehari pada Q3 2021 kepada 28.0 juta meter padu sehari pada Q3 2022. Penurunan pengeluaran minyak dan gas asli adalah disebabkan oleh penutupan tidak berjadual dan juga penutupan berjadual bagi aktiviti-aktiviti penyelenggaraan serta pemulihan pelantar minyak luar pantai. Ini telah menghadkan kapasiti bekalan gas asli ke loji LNG, dan menyebabkan penerimaan gas yang rendah untuk tujuan pengeluaran gas asli cecair (LNG). Selain itu, aktiviti-aktiviti penyelenggaraan juga telah dijalankan ke atas loji LNG yang menyebabkan pengeluaran LNG telah menurun daripada 750,944 MMBtu sehari pada Q3 2021 kepada 731,975 MMBtu sehari pada Q3 2022.
  
11. Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q3 2022 adalah didorong oleh peningkatan Eksport Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 14.3 peratus khususnya eksport barangan bahan api galian. Ini diikuti oleh peningkatan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah (12.2 peratus), Perbelanjaan Kapital Swasta (2.4 peratus) dan Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan (0.4 peratus).

#### **KDNK mengikut Pendekatan Perbelanjaan pada Harga Tetap**

	<b>Q3 2021</b>	<b>Q3 2022</b>	<b>% Pertumbuhan</b>
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	1,042.6	1,046.5	0.4
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah	1,277.0	1,432.2	12.2
Perbelanjaan Kapital	1,612.8	1,646.9	2.1
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	3,388.5	3,873.1	14.3
<b>KDNK</b>	<b>4,545.6</b>	<b>4,588.2</b>	<b>0.9</b>

12. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Ketiga 2022 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**


**QUARTERLY GROSS DOMESTIC PRODUCT**  
**THIRD QUARTER 2022**

**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**MAIN HEADLINE: BRUNEI'S ECONOMY RECORDS POSITIVE GROWTH**  
**FOLLOWING DEVELOPMENT IN THE NON-OIL AND GAS SECTOR.**

- 1. In the third quarter (Q3) of 2022, Gross Domestic Product (GDP) by economic activity was mainly contributed by the Industry sector which was about 66.4 percent. This was followed by Services sector by 32.5 percent and Agriculture, Forestry and Fishery sector by 1.1 per cent.*
- 2. Brunei Darussalam's GDP at current prices in Q3 2022 was valued at BND5.8 billion compared to BND4.7 billion in Q3 2021. The Oil & Gas Sector, comprising of oil & gas mining and manufacture of Liquefied Natural Gas (LNG), accounted for 51.7 percent of the total gross value added (GVA). Meanwhile, the Non-Oil & Gas Sector, which includes downstream activities such as the manufacture of petroleum and chemical products, contributed 48.3 percent of GDP.*
- 3. Meanwhile, GDP value at constant prices recorded a growth of 0.9 per cent year-on-year. This was due to an increase in the Non-Oil & Gas Sector by 4.6 percent. On the other hand, the Oil & Gas Sector decreased by 2.7 percent.*



4. *The Non-Oil & Gas Sector remained positive with an increase in the Subsectors such as Downstream, Finance, Air Transport, Wholesale and Retail Trade, and Fishery.*
5. *An increase in the Downstream activities was due to increased methanol production by 16.1 percent, from 129,778 metric tons in Q3 2021 to 150,674 metric tons in Q3 2022 as well as the new production of the chemical product, specifically urea fertilizer.*
6. *Meanwhile, the increase in the Finance Subsector was in line with an increase in the income of financial and banking activities.*
7. *The increase in Transport Subsector was mainly contributed by the rise in Air Transport. The increase in Air Transport activity was in line with the increase in passenger air arrivals, from 4,494 in Q3 2021 to 79,730 in Q3 2022; and air departures, from 8,140 in Q3 2021 to 71,595 in Q3 2022, which corresponded to permission to enter and exit the country.*
8. *The increase in the Wholesale and Retail Trade Subsector was due to the rise in domestic demand in line with the reduction in control measures following the cessation of the COVID-19 Early Endemic Phase as opposed to the third quarter (Q3) in the previous year, in which most movement restrictions were reinstated to control the spread of COVID-19. The increase in this Subsector was also in line with the rise in retail sales mainly driven by an increase in sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear*

cent, sales of Hardware, Paints and Glass in specialized stores and sales at Petrol Station.

9. *Furthermore, the increase in the Fisheries Subsector resulted from the expansion of the capture and aquaculture industries. The growth of the capture industry was primarily attributable to small-scale fishermen's activities. Meanwhile, farm prawn was the main contributor to the aquaculture industry.*
10. *However, the decline in the Oil & Gas Sector was due to a decrease in the production of crude oil from 97.1 thousand barrels per day in Q3 2021 to 86.2 thousand barrels per day in Q3 2022. Natural gas production also recorded a decrease from 28.7 million cubic metres per day in Q3 2021 to 28.0 million cubic metres per day in Q3 2022. The reduction in crude oil and natural gas production was due to schedule and unscheduled maintenance and rejuvenation activities for the offshore platform. This has limited the natural gas supply to the LNG plant and caused low gas intake for the purpose of Liquefied Natural Gas (LNG) production. In addition, maintenance activities were also carried out at the LNG plant, thus, LNG production has declined from 750,944 MMBtu per day in Q3 2021 to 731,975 MMBtu per day in Q3 2022.*
11. *By expenditure approach, an increase in GDP growth in Q3 2022 was due to a rise in the Exports of Goods and Services by 14.3 percent, mainly the export of mineral fuel goods. This was followed by an increase in the Household Final Consumption Expenditure (12.2 percent), Private Gross Capital Formation (2.4 percent), and Government Final Consumption Expenditure (0.4 percent).*

#### **GDP by Expenditure at Constant Prices**

	<b>Q3 2021</b>	<b>Q3 2022</b>	<b>% Growth</b>
Government Final Consumption Expenditure	1,042.6	1,046.5	0.4
Household Final Consumption Expenditure	1,277.0	1,432.2	12.2
Gross Capital Formation	1,612.8	1,646.9	2.1
Exports of Goods and Services	3,388.5	3,873.1	14.3
<b>GDP</b>	<b>4,545.6</b>	<b>4,588.2</b>	<b>0.9</b>



12. *Gross domestic product (GDP) is a measure of the total value of goods and services produced in a particular period after deducting the cost of goods and services used up in the process of production. The GDP full report for the Third Quarter of 2022 is available from DEPS's website at [deps.mofe.gov.bn](http://deps.mofe.gov.bn)*